**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 18 MEI 2016 (RABU)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Taman Wetland Putrajaya lokasi sambutan Hari UNESCO 2016 | BERNAMA |
| 2. | Sistem Pertama Track Autism mudahkan ibu bapa kawal anak –anak Autisme | BERNAMA |
| 3. | Jejak gerak anak autisme | Harian Metro |
| 4. | App to track autistic kids on watches | New Straits Times |
| 5. | Pembenihan awan di kawasan utara hasilkan hujan | BERNAMA |
| 6. | Amaran hujan ribut di Kedah, Pulau Pinang, Utara Selat Melaka | BERNAMA |

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 18 MEI 2016 (RABU)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# Taman Wetland Putrajaya Lokasi Sambutan Hari UNESCO 2016

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Taman Wetland di Putrajaya dipilih sebagai lokasi sambutan Hari UNESCO Malaysia 2016 pada 28 Mei ini.

UNESCO ialah singkatan bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu.

**Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur** berkata Hari UNESCO tahun ini antaranya akan mengetengahkan aktiviti dan pameran berkaitan pendidikan, sains dan kebudayaan.

"Sambutan kali keenam Hari UNESCO Malaysia adalah sebagai meraikan hubungan antara Malaysia dan UNESCO dalam mempromosi dan membina budaya keamanan dalam kalangan masyarakat dunia berdasarkan bidang utama iaitu pendidikan, sains, kebudayaan, sains sosial dan komunikasi," katanya.

Bercakap pada sidang media di sini Selasa, beliau berkata Hari UNESCO bertemakan 'Inclusiveness' tahun ini merupakan medan untuk menghebahkan kepada masyarakat mengenai program dan aktiviti yang dilaksana Malaysia menerusi Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia bersama UNESCO.

Noorul Ainur, yang juga Pengerusi Suruhanjaya Sains UNESCO, berkata hari istimewa itu anjuran bersama MOSTI dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Diharapkan sambutan itu dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan UNESCO dalam memastikan pembangunan mampan, membasmi kemiskinan serta memelihara keamanan, katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 18 MEI 2016 (RABU)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# Sistem Permata Track Autism Mudahkan Ibu Bapa Kawal Anak-anak Autisme



KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** memperkenalkan aplikasi teknologi "Sistem Permata Track Autism", bagi memudahkan ibu bapa memantau pergerakan dan menguruskan anak-anak autisme mereka.

**Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** berkata sistem itu menggunakan teknologi navigasi satelit dan diintegrasikan dengan teknologi komunikasi mudah alih.

"Menerusi aplikasi ini, kanak-kanak autistik dipakaikan dengan alat pengesanan satelit navigasi GPS berbentuk jam tangan dan ibu bapa dapat mengesan lokasi anak-anak pada setiap masa dengan hanya menggunakan aplikasi pada telefon pintar yang dibangunkan.

"Melalui sistem ini, ibu bapa dapat memantau pergerakan kanak-kanak autisme dan akan dimaklumkan dengan segera menerusi telefon pintar sekiranya kanak-kanak ini keluar daripada sempadan maya yang telah ditetapkan dalam sistem," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis menandatangani nota kerjasama antara ANGKASA dan Pusat Permata Kurnia dan Penyerahan Sistem Permata Track Autism, di sini hari ini.

Pihak MOSTI diwakili Mohd Azhar dan Ketua Pengarah ANGKASA Dr Noordin Ahmad, manakala Pusat Permata diwakili Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Nazri Siron dan Setiausaha Bahagian JPM Datuk Saidatu Akhmal Hassan.

Mohd Azhar berkata sistem ini juga boleh menentukan tempoh waktu untuk aktiviti harian tertentu bagi kanak-kanak autisme selain dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan terhadap kanak-kanak autisme dan juga tekanan dan kerisauan ibu bapa.

Pada majlis sama, Azhar Ahmad, 48, antara 40 ibu bapa yang menerima jam tangan pintar itu untuk dipakaikan kepada anaknya Hana Jasmin, 5 tahun.

"Sistem ini ternyata lebih memudahkan lagi cara saya dan isteri mengawal anak kami dan tidak perlu risau lagi terutama ketika berada di taman permainan yang mana saya boleh memberikan lebih kebebasan kepadanya untuk bermain sambil kami mengawal pergerakannnya menerusi sistem ini," katanya.

Penggunaan aplikasi teknologi secara inovatif ini merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Inovasi Sosial MOSTI (MSI) 2015 bertujuan membangunkan idea yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan kemahiran dan ekonomi untuk memenuhi keperluan sosial.

-- BERNAMA